

Semangat cekal resipi kejayaan pelajar OKU


AMPANG - Sebaik sahaja mengetahui keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) akan diumumkan semalam, beliau menanti penuh debaran dengan harapan keputusan bakal diperolehnya cemerlang.

Tiew Kee Yee, 18, pelajar kurang upaya (OKU) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Kosas di sini, memperoleh 8A 3B dalam keputusan SPM 2008.

"Kecacatan saya bukan penghalang untuk saya berjaya. Saya membuktikan bahawa saya boleh berjaya seperti pelajar lain. Saya tidak mahu fikir saya sakit. Oleh itu, saya perlu berusaha gigih jika saya mahu berjaya. Saya tanamkan dalam diri saya bahawa saya juga boleh berjaya dan melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

"Saya mengalami kecederaan pada tulang belakang saya dan perlu berulang-alik ke hospital menjalani fisioterapi. Tahun lalu, saya menjalani pembedahan di Singapura dan gagal hadir ke sekolah hampir sebulan. Saya rasa takut saya ketinggalan dari segi pelajaran berbanding kawan saya. Saya mengambil inisiatif mengulang kaji pelajaran apabila ada masa terluang," katanya ketika ditemui Sinar Harian di SMK Taman Kosas, di sini, semalam.

Menurutnya, beliau sentiasa berusaha gigih mencapai kejayaan cemerlang



● Bee Eng menunjukkan keputusan cemerlang yang diperolehi anaknya, Kee Yee selepas diserahkan guru kelasnya.

dari segi pelajaran dan kokurikulumnya kerana baginya kecacatan dialami bukan faktor penghalang kejayaannya.

Apabila ditanya mengenai resipi kejayaannya, beliau meluangkan tiga hingga empat jam untuk mengulang kaji pelajaran di rumah selain menumpukan sepenuh perhatiannya di kelas.

Ibu bapa adalah pendorong utama kejayaan beliau kerana mereka memberi sepenuh kebebasan kepada beliau memilih mata pelajaran diminatinya dan bidang pengajiannya nanti.

Ibunya, Sia Bee Eng, 50, berkata, beliau meletakkan sepenuh kebebasan dan sentiasa memberi sokongan

kepada anaknya itu membuat keputusannya sendiri.

"Saya amat gembira dengan kejayaan diperolehnya dan berharap beliau dapat menyambung pengajiannya ke peringkat lebih tinggi. Apa yang penting bagi saya, adalah untuk melihat kejayaannya menjadi pendorong kejayaan adik-adiknya," katanya.

Sementara itu, guru kelasnya, S Kumar berkata, Kee Yee merupakan seorang pelajar yang cemerlang dan konsisten dalam kurikulum, kokurikulum dan tingkah laku setiap tahun.

"Beliau merupakan pelajar yang baik dan disayangi setiap guru selain amat berdisiplin dan tidak pernah ponteng sekolah

walaupun beliau tidak sempurna seperti pelajar lain," katanya.

Kee Yee berkata, semangat cekal merupakan resipi kejayaan beliau selain sentiasa tekun belajar, berdisiplin dan mengikut jadual waktu disediakan.

"Saya berhasrat untuk melanjutkan pengajian ke Kolej Tunku Abdul Rahman di dalam bidang perakaunan. Saya amat meminati bidang itu dan berharap akan mendapat sokongan dan bantuan biasiswa daripada mana-mana pihak. Saya melihat bidang perakaunan merupakan peluang yang lebih cerah untuk saya mengubah kehidupan keluarga saya suatu hari nanti," katanya.

**8A
3B**